

KEBUDAYAAN ISLAM

Perkembangan Kesenian Islam dari Zaman ke Zaman

Peninggalan kesenian Islam, berkembang dengan luasnya di negeri-negeri dan daerah-daerah yang berjauhan. Kesenian Islam terdapat di semua negeri-negeri Islam dan negeri-negeri yang pada suatu masa pernah mencapai zaman kebesaran dan kejayaannya di bawah lambaian panji-panji Islam, seperti negeri Sepanyol dan lain-lainnya.

Daerah kesenian Islam itu, berkembang luas dari timur sampai ke barat. Wujudnya kesenian Islam, ada kalanya berbentuk seni sastera, seni bangunan (binaan), seni tulis, seni ukir, seni lukis, dan lain-lain, iaitu terdapat di Semenanjung Arab, Parsi, Mesir, Turki, India, Pakistan, Indonesia, Semenanjung Tanah Melayu, Afrika Utara, Pulau Scilly, Semenanjung Sepanyol dan negeri-negeri Islam lainnya.

Mengupas satu-persatu akan jenis-jenis kesenian Islam yang terdapat di berbagai negeri itu dengan penyelidikan yang lengkap, sudah tentu tidak akan dapat dihuraikan dalam sebuah dua buah buku sahaja tetapi ia merupakan punca penyelidikan dari keindahan yang tidak akan kering dan tidak akan selesai diceritakan.

Di setengah-setengah negeri Islam, dahulu atau sekarang, selain daripada masalah-masalah fiqah dengan segala cabangnya maka masalah kesenian pun diutamakan juga sebagai lambang kebesaran Islam. Kerana wujudnya kesenian itu

menjadi saksi kepada dunia, bahawa cita-cita dan tujuan Islam itu ialah kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat. Bukan mengutamakan rohani sahaja dengan meninggalkan soal keduniaan.

Walaupun telah berkurun-kurun lamanya agama Islam telah meninggalkan bumi Sepanyol, kira-kira lima ratus tahun, semenjak permulaan kurun masihi yang kelima belas, tetapi sejarah tidak akan dapat melupakannya. Gharnāṭah (Granada) masih berdiri Istana al-Hamrā' (al-Hambra) dengan segala keindahannya. Di Ishbiliyyah (Seville) masih tegak menara masjid Islam yang sangat menakjubkan, walaupun namanya sekarang disebut orang: The Giralda Di Qurtubah (Cordova) masih berdiri masjid raja yang menakjubkan, walaupun sekarang ia telah dijadikan gereja.

Segala peninggalan kesenian Islam dalam lapangan bangunan dan binaan itu, bukan benda mati yang membisu sahaja, tetapi tetap bercerita kepada siapa sahaja yang

datang melawat dan melihatnya, bahawa pada suatu ketika, umat Islam di sini pernah menikmati masa kejayaan dan mencapai kedudukan yang tinggi dalam peradaban dan kebudayaan.

Pada hakikatnya, tinggi atau rendahnya kesenian Islam pada suatu daerah atau negeri, bergantung kepada pasang dan surutnya kedudukan umat Islam dalam negeri itu sendiri. Kata peribahasa Arab: “*Al-nās ‘alā dīni mulūkihim*” (Orang ramai itu mengikuti agama raja-raja mereka). Kalau raja atau Yang di-Pertua negara seorang yang berjiwa Islam, maka pemerintahannya pula berjiwa Islam dan memberikan kesempatan yang seluas-luasnya kepada umat Islam untuk melaksanakan isi dan tujuan al-Qur’ān yang mulia. Dengan itu sudah tentu masyarakat dan kebudayaan mereka akan jauh berbeza dengan keadaan umat Islam yang hidup dalam negeri yang terjajah atau di bawah raja-raja yang bukan beragama Islam.

Dalam pemerintahan Islam, kesenian itu dengan segala macam ragamnya dapat berkembang dengan seluasnya, bahkan khalifah atau raja-raja Islam itulah pendorong utama dalam mendirikan masjid, bangunan-bangunan dan lain-lain hasil-hasil kesenian yang bercorak keagamaan dan ketuhanan.

Tetapi di negeri-negeri jajahan, kemurnian rasa cipta yang bercorak keagamaan itu terdesak oleh tekanan hidup yang tidak memberi kesempatan untuk mewujudkan rasa indah itu ke alam kenyataan. Kesenian Islam tidak subur tumbuhnya, kerana daya cipta dari umat Islam negeri jajahan itu makin lama makin tumpul, bahkan hingga mengkhianati perasaan halus dan rasa indah yang tumbuh dalam sanubari mereka,

dengan membenci segala macam keindahan dan merasa bahawa kesenian itu seolah-olah suatu perkara yang asing bagi mereka.

Tetapi walaupun demikian, di seluruh dunia Islam terdapat hasil-hasil dari kesenian Islam itu. Ada kalanya berbentuk seni bangunan, seni ukir, seni tulis atau kesenian-kesenian lainnya, yang satu berbeza dengan yang lain. Masing-masing mempunyai wujud sendiri yang berbeza corak ragam keindahannya.

Dalam seni bangunan Islam terdapat ragam bangunan Arab, Parsi, Byzantine, (Rom Timur), Mesir, Maghribi, dan lain-lain lagi, sesuai dengan pertumbuhan daya cipta dalam tiap-tiap daerah itu. Akan tetapi kesempurnaannya baharu tercapai dalam masa kebesaran Islam.

Dalam perbezaan bentuk dari seni bangunan Islam di pelbagai negeri itu, terdapat persamaan-persamaan menggabungkan seluruhnya. Persamaan itu di antaranya ialah “ruh tauhid” sebagai dasar bagi tiap-tiap bangunan itu.

Jiwa tauhidlah yang merupakan tenaga penggerak dalam mencipta segala macam bangunan-bangunan itu, sehingga dalam perbezaan bentuk seni bangunan Islam itu kelihatan nyata perasaan yang mengikatnya iaitu ruh tauhid.

Selain dari itu, dalam perkembangan seni bangunan masjid khususnya, maka Rasulullah *ṣallā Allāh ‘alayhi wasallam* sendiri telah meletakkan dasar keharusan bagi segala apa jua yang dikehendaki oleh sebuah masjid, seperti adanya mihrab yang menunjukkan

(Sambungannya pada muka 44)

(Sambungan dari muka 10)

di mana sahaja ia didirikan, dan juga merupakan dasar-dasar keharusan yang telah ditentukan oleh Rasulullah *ṣallā Allāh ‘alayhi wa ‘ālihi waṣallam* itu sudah tentu akan terdapat pada seluruh masjid-masjid, walaupun arah kiblat, tempat imam ketika mengerjakan sembahyang, mimbar tempat berkhotbah, ruangan luas untuk sekalian makmum, *ṣahn* dan tempat mengambil wuduk, tempat azan dan sebagainya. Suatu kesatuan dalam bentuk dan ragam bangunan yang berbeza.

Perbezaan kecil dalam seni bangunan Islam, dapat dilihat pada bentuk *qubbah* (kubah), lengkung, tiang-tiang, menara azan, ragam hiasan dan lainnya.

Bentuk *Qubbah*

Pada mulanya orang Arab sendiri belum mengenal “*qubbah*” itu. Bangunan-bangunan asli di negeri padang pasir ini tidak memakai *qubbah*. Rumah orang Arab dahulukala, pada bahagian atasnya datar dan rata sahaja, iaitu disebut “*sath*”. *Sath* itu selain menjadi bumbung rumah, pada waktu malam digunakan juga untuk berehat, mengambil udara segar (dan juga tempat tidur malam pada musim panas terik – P.). Sebenarnya *qubbah* itu berasal dari bangunan Byzantine (Rom Timur) dan kerap kali pula terdapat pada istana raja-raja Parsi.

Bentuk *qubbah* itu berlain-lainan pula. *Qubbah-qubbah* di Afrika Utara (Libya, al-Jazā’ir, Tunisia dan Morocco) pada umumnya menekan bentuknya, terutama di bandar Kairouan. Di Mesir pula *qubbah-qubbah* itu berbentuk lebih dari setengah

lingkaran, yang disebut “*ihlīj*”¹, seperti lengkung telur. Tetapi dalam pada itu ada juga *qubbah-qubbah* di Mesir yang berbentuk lain, seperti yang disebut bentuk: *ustuwānī*, *makhrūt*, *mujāwazah*, *muqranah* dan lain-lainnya.

Qubbah Parsi pada umumnya berbentuk bawang, tirus ke atas. *Qubbah* India agak bulat bentuknya dan ada juga yang seperti bentuk *qubbah* Parsi.

Qubbah Byzantine (Rom Timur) bentuknya kurang dari setengah lingkaran. Biasanya di tengah-tengah bangunan terdapat sebuah *qubbah* besar (selain daripada *qubbah* kecil).

Menara Azan

Biasanya masjid itu didampingi oleh menara azan. Pada tiap-tiap masjid terdapat sebuah menara. Tetapi ada kalanya lebih sampai empat atau lima buah, menurut besar kecilnya masjid itu. Dalam beberapa negeri Islam, bentuk menara itu berbeza-beza, baik tingkat atau jenis potongannya.

Menara azan di negeri Turki dan Yugoslavia biasanya tirus, tinggi menjulang ke angkasa, kemuncaknya lancap, samalah seperti menara-menara di negeri Parsi. Jenis ini disebut: bentuk “*makhrūt*”.

Menara azan di Semenanjung Sepanyol dan di Morocco, bentuknya empat persegi, disebut bentuk “*murabba’ah*”. Manakala menara-menara di Mesir berbagai-bagai bentuknya, tidak mempunyai jenis yang tertentu, ada kalanya terdiri dari dua tingkat, ada pula yang lebih daripada itu. Bentuknya ada yang empat persegi, ada yang enam persegi dan lain-lain. Kemuncaknya bermacam-macam pula. Menara azan di Mesir itu pada umumnya penuh dengan ukiran, mulai dari bawah

¹ atau *ihlīlajīyy*

sampai ke kemuncaknya. Di antaranya yang indah sekali ialah menara Masjid Qaitbay di Kaherah.

Dan berbagai-bagai bentuk lagi seperti yang terdapat di negeri-negeri Arab dan negeri-negeri Islam di merata-rata dunia.

Turbah

Turbah (tūrbah) ialah sebuah bangunan (makam) yang didirikan di atas kubur. Adakalanya *turbah* itu berdiri sendiri, ada pula yang bergandingan dengan sebuah masjid.

Di bandar Kaherah banyak kedapatan *turbah* atau makam yang indahnyanya didirikan di atas kubur raja-raja Islam.

Makam-makam itu diperbuat daripada batu pualam dan marmar, dihiasi dengan berbagai jenis ukiran, sehingga merupai sebuah mahligai yang indah permai. Makam-makam yang seperti itu biasa juga didirikan di atas kubur orang-orang Islam yang terkemuka dan berjasa. Sebenarnya mendirikan sebuah makam di atas kubur termasuk dalam masalah-masalah yang diperselisihkan oleh ulama Islam. Ada yang membolehkan, ada yang tidak.

Tetapi dipandang dari sudut kesenian nyatalah bahawa *turbah* atau makam-makam itu seperti yang terdapat di Mesir, merupakan dan menggambarkan ketinggian mutu kesenian rasa. Oeh sebab itu dalam seni ukir Islam

Ukiran

Seni ukiran Islam mempunyai nilai yang tinggi baik dalam susunan cara mengisi bahagian yang dihiasi, ataupun tentang jenis-jenis ukiran itu. Pada umumnya pembahagian bidang yang diukir itu diatur berdasarkan ilmu ukur, manakala bentuk ukiran yang merupakan bunga, daun dan sebagainya dibuat menurut kehalusan Islam dalam lapangan bangunan pada kurun-kurun yang lalu.

Terlihat perpaduan yang tenang tenteram antara rasa dan fikir.

Dasar bagi ukiran itu bermacam-macam pula seperti kayu, batu, emas dan lainnya.

Biasanya seni ukir itu dijalin dengan seni tulis, inilah suatu keistimewaan seni ukir yang banyak sekali didapati menghiasi bangunan-bangunan Islam. Oleh sebab itu ukiran ini bukan semata-mata sebagai adanya seni untuk seni, atau sebagai percurahan rasa sahaja, tetapi ia memberikan kesan lain yang lebih mendalam, iaitu kesan keindahan yang mendekatkan kepada peri kemanusiaan dan rasa ketuhanan, kerana ukiran-ukiran dari berbagai-bagai bentuk itu terjalin indah dengan ayat-ayat al-Qur'ān, hadis-hadis Nabī atau kata-kata hikmah.

Sebenarnya kesenian Islam bukan sahaja telah berkembang dalam dunia Islam, tetapi juga dalam dunia Kristian seperti yang terdapat dalam gereja-gereja di Itali dan lain-lain negeri di Eropah.

Demikianlah pati kupasan tuan C. Israr, dalam bukunya "Sejarah Kesenian Islam".

Harap Dibetulkan

Dalam majalah Qalam bilangan yang lalu, keterangan gambar muka tengah (muka 24), yang sebenarnya ialah gambar ahli jawatankuasa Madrasah al-'Alawiyah al-Islāmiyyah, Arau, Perlis, bukan jawatankuasa pelajar Shams al-Ma'ārif al-Waṭaniyyah seperti yang tersiar itu.

Sementara itu dalam makalah "Kisah Ibn Baṭṭūṭah Mengelilingi Dunia" di muka 15, ruangan yang pertama, baris 4 dari bawah, perkataan "seorang yang rendah", yang betulnya: "seorang yang zuhud".